

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANCELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS TAMAT LATIHAN  
PROGRAM KEUSAHAWANAN DAN KEMAHIRAN EMPOWER ECER  
PADA HARI SELASA, 15 NOVEMBER 2016; PUKUL 3.00 PETANG  
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin Ab. Moin,  
Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan  
Negeri Pahang;

Yang Berbahagia Datuk Seri Jebasinggam Issace John  
Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai  
Timur (ECERDC);

Rakan-rakan saya dari UMP;

Encik Mohamad Rozi Hassan,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
UMP Advanced Education Sdn. Bhd;

Profesor Datin Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim,  
Presiden Persatuan Wanita UMP (MATAHARI);

Para peserta Latihan Kemahiran dan Keusahawanan  
*empower* ECER yang diraikan;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Majlis Tamat Latihan Program Keusahawanan dan Kemahiran Empower ECER pada petang ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan UMP, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin Ab. Moin, Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang atas kesudian beliau untuk melapangkan masa bagi menyempurnakan majlis pada petang ini.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Yang Berbahagia Datuk Seri Jebasinggam Issace John, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC dan pasukan beliau yang sentiasa komited bersama UMP dalam menerajui inisiatif Empower ECER secara strategik bagi manfaat rakyat di negeri Pahang.
4. Jalinan kerjasama erat antara UMP dan ECERDC ini telah menunjukkan perkembangan yang amat positif sejak tahun 2010 melalui penglibatan anak syarikat Universiti ini iaitu UAE Advanced Education Sdn Bhd dan juga Persatuan Wanita UMP atau MATAHARI.

5. Dengan sokongan dan dukungan berterusan daripada kepimpinan Kerajaan Negeri Pahang, saya percaya bahawa jalinan kerjasama tersebut yang turut menghasilkan Program Keusahawanan dan Kemahiran Empower ECER ini mampu dilestarikan pengelolaannya bagi faedah lebih ramai penerima manfaat.
  
6. Ini sekaligus berupaya mentransformasi landskap sosioekonomi rakyat di negeri Pahang dan membolehkan Universiti ini untuk berperanan secara lebih konstruktif dalam konteks tersebut sebagaimana yang dihasratkan dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020.

## **UNIVERSITI KOMUNITI, MEMASYARAKATKAN TEKNOLOGI**

7. Yang Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Adalah menjadi tekad UMP untuk merakyatkan kewujudannya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada penawaran program-program akademik arus perdana, tetapi juga mampu berperanan sebagai sebuah institusi sosial yang menjadi pemangkin peningkatan literasi pengetahuan dan kemahiran untuk anggota masyarakat yang lain.

8. Justeru, inisiatif Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Empower ECER yang diterajui bersama oleh UMP dan ECERDC ini merupakan sebahagian daripada agenda strategik Universiti Komuniti yang ingin diangkat oleh UMP selaras dengan *tagline* 'Memasyarakatkan Teknologi' yang mendasari Pelan Strategik UMP 2016-2020.

9. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri dan hadirin sekalian, Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan ini telah memberi manfaat kepada seramai 6,835 peserta sepanjang lima tahun pelaksanaannya antara 2010 hingga 2015.
  
10. Oleh yang demikian, mereka yang diraikan pada petang ini merupakan 246 peserta yang telah berjaya menamatkan latihan Program Latihan Kemahiran *Occupational Safety & Health* dan Kulinari: Masakan 1Malaysia bagi tahun 2015. Maka, sukalah saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada para peserta atas kejayaan mereka tersebut.
  
11. Program Latihan Kemahiran *Occupational Safety & Health* tersebut mula dilaksanakan di bawah Program *Empower* ECER Mahkota pada bulan Mei 2014. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing para belia terutamanya yang bekerja dalam sektor pembinaan dan pengilangan.

12. Program ini ternyata begitu berkesan dan berjaya dalam meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran para peserta apabila dalam kalangan mereka yang berupaya menjana pendapatan yang lumayan antara RM5,000 ke RM7,000 sebulan setelah tamat latihan.
  
13. Pencapaian tersebut memberikan motivasi kepada UMP khususnya untuk terus komited menerajui inisiatif ini secara konsisten dan terarah bersama ECERDC dalam merealisasikan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui latihan kemahiran, sekaligus mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

## **KATA PENUTUP**

14. Yang Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada pasukan kerja dari UMP dan ECERDC atas komitmen tinggi dan perkhidmatan cemerlang mereka dalam menjayakan Program Latihan Kemahiran dan Keusahawan *Empower ECER* sehingga menghasilkan kejayaan 246 peserta yang diraikan pada petang ini.

15. Saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan kita terus dikurniakan kekuatan, keupayaan dan iltizam untuk terus melaksanakan usaha murni ini dengan lebih giat lagi pada masa hadapan demi pembangunan sosioekonomi rakyat dan masa depan tanah air yang lebih gemilang, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah* ,

*Assalamualaikum warahatullahi wabarakatuh*.